

Kaji kewajaran laksana semula GST harungi cabaran ekonomi

- GST dapat mengurangkan kebergantungan hasil negara kepada hasil minyak supaya hasil negara lebih mampan pada masa hadapan, tidak tertakluk kepada pergerakan harga minyak dunia di luar kawalan kita
- Dari segi teori ekonomi, sesebuah sistem cukai yang telus dan cekap akan meningkatkan hasil negara tanpa perlu meningkatkan kadar cukai yang akhirnya membebankan rakyat



Felo Penyelidik
Bersekutu Institut
Dasar Ekonomi dan
Kewangan (ECOFI),
Pusat Pengajian
Ekonomi,
Kewangan dan
Perbankan,
Universiti Utara
Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah
Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Baru-baru ini, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dilihat membuat keputusan agak luar biasa apabila sepakat menyarankan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan semula kerana ia langkah terbaik untuk meningkatkan hasil kerajaan.

Gabungan lima dewan perniagaan ini, iaitu Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Gabungan Dewan Perniagaan Dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI), Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) berkata, GST bersifat menyeluruh untuk semua pihak berbanding pengenalan pelbagai cukai baharu ketika ini hanya tertumpu kepada beberapa golongan.

Menuju ke hadapan, dalam mendepani keadaan ekonomi lebih mencabar ketika ini, bagaimana GST mampu menjadi jalan terbaik untuk mereformasi struktur ekonomi dan sistem cukai secara lebih berkesan serta menyeluruh seperti yang diharapkan NCCIM.

Berdasarkan kepada pengalaman pelaksanaan GST mulai 2015 sehingga dimansuhkan pada 2018, terdapat 10 sebab kenapa GST perlu diperkenalkan semula.

Kurangkan kesenjangan agihan pendapatan

Pertama, GST dapat mengurangkan kebergantungan hasil negara kepada hasil minyak. Ini penting supaya hasil negara lebih mampan pada masa hadapan dan tidak tertakluk kepada pergerakan harga minyak dunia di luar kawalan kita.

Peratusan kebergantungan hasil negara sudah berkurangan daripada 40 peratus pada 2009 kepada sekitar 14 peratus pada 2017.

GST juga menyelamatkan ekonomi negara pada 2016 apabila harga minyak dunia jatuh secara mendadak. Dalam usaha untuk beralih kepada tenaga baharu, kebergantungan kepada hasil minyak juga perlu dikurangkan.

Kedua, GST dapat mengurangkan kesenjangan dalam agihan pendapatan rakyat. Jika dilihat nilai Indeks Gini pada ketika GST dilaksanakan, nilainya turun kepada 0.39 daripada 0.45.

Indeks Gini berskala 0 hingga 1; nilai 0 bermaksud kesaksamaan sempurna dan nilai 1 bermakna ketidak-samaan sepenuhnya.

Ketiga, masalah ekonomi gelap dapat ditangani. Peratusan ekonomi gelap dalam ekonomi Malaysia sudah dapat dikurangkan ke tahap 10 peratus daripada 25 peratus. Antara sebab utama adalah GST ini berlaku pada tahap transaksi dan menyebabkan ia telus dan sukar untuk peniaga lari daripada membayar cukai.

Keempat, GST dapat meningkatkan serta merangsang pelaburan dengan lebih mampan. Ini kerana, ketika GST dilaksanakan, cukai korporat dikurangkan secara beransur-ansur dan trend ini dapat dilihat pada lebih 170 negara yang pada ketika ini melaksanakan GST, sama ada negara berpendapatan tinggi, berpendapatan sederhana dan berpendapatan rendah.

Kelima, sistem GST dapat merangsang eksport ke-

rana cukai tidak dikenakan ke atas eksport dan wujud mekanisme rebat dalam GST. Ini berbeza dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mempunyai kesan cukai atas cukai, kesan melata dan kesan berganda akan meningkatkan lagi harga barangan.

Keenam, GST bersifat lebih adil. Tanpa GST, hanya 4.6 juta daripada 16.5 juta tenaga buruh di Malaysia membayar cukai. Apabila GST dilaksanakan, cakupannya lebih luas.

Lebih 68 peratus barangan dalam bakul Indeks Harga Pengguna (CPI) dikenakan GST, manakala 10 peratus sahaja bagi cukai perkhidmatan.

Ketujuh, sistem cukai GST lebih telus dan mempunyai tatakelola baik. Contohnya, jika kadar GST adalah 6.0 peratus, maka ia jelas dan nilainya 6.0 peratus. Ini berbeza dengan sistem SST.

Sebab itu ramai risau kenaikan harga barang apabila cukai perkhidmatan dinaikkan sebanyak 2.0 peratus daripada 6.0 peratus kepada 8.0 peratus.

Disebabkan cukai ke atas input tidak dapat dituntut dan elemen cukai menjadi kos di sepanjang rantaian bekalan, maka pengguna akan menanggung kos tambahan melebihi daripada sepatutnya. Inilah dipanggil kesan melata ataupun 'cascading effect'.

Kelapan, GST dapat memberikan hasil jauh lebih besar daripada SST dan ini dapat mengurangkan defisit negara secara berhemah dan efektif.

Bayangkan tambahan hasil lebih RM20 bilion dengan kadar 6.0 peratus bagi GST, berbanding tambahan hanya RM3 bilion apabila cukai perkhidmatan dinaikkan sehingga 8.0 peratus. Akibatnya defisit fiskal negara dapat dikawal.

Sebenarnya, penanda aras ketujuh dalam kerangka Ekonomi MADANI sudahpun dicapai ketika GST

dilaksanakan apabila kadar defisit negara stabil pada kadar 3.0 peratus.

Dari segi teori ekonomi, sesebuah sistem cukai telus dan cekap akan meningkatkan hasil negara tanpa perlu meningkatkan kadar cukai yang akhirnya membebaskan rakyat pula.

Kesembilan, GST dapat memudahkan semua pihak, sama ada kerajaan, peniaga dan pengguna. Jika adanya GST, e-invoicing misalnya, sudah tidak perlu lagi dilaksanakan.

Tak perlu lagi cukai baharu

Kita juga tidak perlu pelbagai bentuk cukai baharu diperkenalkan pada ketika ini, seperti cukai barangan bernilai tinggi, cukai barangan bernilai rendah, cukai digital dan pelbagai cukai lagi.

Ke-10, GST dapat meluaskan lagi asas hasil negara. Dari perspektif ekonomi, aspek ini sangat penting. Ketika ini, nisbah cukai kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sangat rendah, iaitu di bawah 12 peratus jika dibandingkan dengan negara jiran serantau.

Ia jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara di Asia Pasifik, iaitu sekitar 19 peratus dan kebanyakan negara maju berada pada tahap 33 peratus ke atas.

Jika kita lihat struktur cukai negara mempunyai nisbah cukai kepada KDNK tinggi ini, sememangnya sumbangan utama adalah datang daripada bentuk cukai tidak langsung, iaitu GST ataupun VAT.

Tidak dinafikan GST ada kelemahan kerana tidak ada sistem cukai sempurna. Namun begitu, kebanyakan masalah yang timbul adalah isu pelaksanaan dan bukannya sistem cukai itu sendiri.

